

Asia-Europe Institute Tawar Biasiswa Penuh

Oleh : Azie Zulkifli

RABU, 24 APRIL - Satu seminar biasiswa pengajian anjuran Jabatan Akademik dan Penyelidikan Sains Sosial diadakan di Bilik Mesyuarat Utama Sekolah Sains Sosial (SSS), 10 pagi, melibatkan 80 pelajar tahun akhir sekolah tersebut.

Seminar itu telah disampaikan oleh Timb. Pengarah Eksekutif Asia-Europe Institute, Dr. Azmi Mat Akhir. Hadir sama Dekan SSS, Profesor Madya Hj. Inon Shaharuddin Abdul Rahman dan para pensyarah.

Tujuan seminar bagi membantu pelajar tahun akhir Universiti Malaysia Sabah untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Master dan PhD di Asia-Europe Institute (AEI) dan sekaligus akan membiayai sepenuhnya pengajian mereka.

“Pelajar tidak perlu risau kerana pihak kami akan membiayai sepenuhnya pengajian anda termasuklah tiket kapal terbang dan tempat tinggal”, kata Dr. Azmi.

AEI turut menawarkan sepuluh program pengajian yang berkaitan tentang ekonomi, bisnes, sejarah, dan politik kepada pelajar yang berminat. Dr. Azmi juga turut menyatakan bahawa kesemua program yang ditawarkan itu sesuai untuk diambil oleh mana-mana kursus aliran yang diambil semasa pengajian sarjana muda.

Beliau berkata, tenaga pengajar yang disediakan di intitusi tersebut didatangkan khas dari Eropah dan kesemua mereka pakar dalam penyelidikan serta mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang tinggi dalam penyelidikan.

Beliau berharap bagi sesiapa sahaja tidak kira umur dan status, sekiranya masih ada keinginan untuk terus menimba ilmu, mereka perlu meneruskan keinginan itu kerana ilmu tidak akan pernah habis di dunia ini.

Beliau juga turut menambah dalam ucapannya, “minat, sikap positif dan yakin diri” perlu ada dalam diri masing-masing sekiranya ingin berjaya.